

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**  
**KAWASAN** : **KLANG**  
**NO. SOALAN** : **320**

**SOALAN**

**Y.B Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status perundingan TPPA tanpa USA dan kemungkinan kerajaan menggugurkan IPR dan perolehan Kerajaan daripada perbincangan yang dijalankan sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Menteri-menteri negara Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) yang bermesyuarat di Da Nang, Viet Nam pada 6 hingga 8 November 2017 telah pun bersetuju bahawa Perjanjian TPP mampu memberi manfaat kepada negara-negara ahli walaupun tanpa Amerika Syarikat.

2. Hasil daripada mesyuarat tersebut, Menteri-menteri 11 negara TPP telah berjaya mencapai persetujuan berkaitan elemen-elemen teras, *core elements* dengan izin, serta kaedah untuk melaksanakan perjanjian ini. Perjanjian ini akan dilaksanakan melalui penggabungan perjanjian asal TPP ke dalam perjanjian baharu, manakala beberapa

peruntukan dalam perjanjian asal TPPA akan digantung atau tidak akan dilaksanakan.

3. Perjanjian ini juga telah dinamakan semula sebagai Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik, dengan izin, *Comprehensive and Progressive Agreement for the Trans-Pacific Partnership* (CPTPP).

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Peruntukan-peruntukan yang akan digantung telah dibincangkan secara mendalam dan dipersetujui secara konsensus oleh semua kesebelas negara ahli. Antara lain, senarai tersebut mengandungi peruntukan-peruntukan yang melibatkan kepentingan Malaysia berkaitan farmaseutikal, hak cipta dan perolehan kerajaan serta menghadkan skop *Investor-State Dispute Settlement* (ISDS). Senarai penuh peruntukan yang telah dipersetujui untuk digantung (*List of Suspended Provisions*) telah dimuat naik di laman web MITI pada 11 November 2017, iaitu sebaik sahaja kenyataan Menteri-menteri TPP dikeluarkan.

5. Sebagaimana diputuskan oleh Menteri-menteri TPP, Perjanjian CPTPP ini dijangka dapat ditandatangani pada tahun 2018. Dalam pada itu, masih terdapat beberapa isu teknikal yang masih tertunggak dan perlu dimuktamadkan sebelum Perjanjian ini dapat ditandatangani.

50  
Tuan Yang Di-Pertua,

6. Sebagai negara perdagangan yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka, Kerajaan yakin bahawa penyertaan Malaysia dalam CPTPP bukan sahaja mampu untuk meningkatkan jumlah eksport atau menarik pelaburan asing, tetapi juga memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhan melalui peningkatan daya saing negara.

7. Tanpa penglibatan Amerika Syarikat, pasaran yang ditawarkan dalam CPTPP kemungkinan lebih kecil berbanding TPP12. Namun, Malaysia perlu mengambil kira pelbagai faktor termasuk masa dan kos yang terlibat untuk rundingan TPP selama lebih lima tahun. Sekiranya Malaysia tidak menyertai CPTPP, Malaysia akan perlu berunding secara dua hala dengan Kanada, Mexico dan Peru untuk mendapat layanan berkeutamaan di pasaran-pasaran tersebut. Malaysia juga akan terlepas peluang dan manfaat sebagai *first mover* sekiranya memilih untuk tidak menyertai CPTPP.

Sekian, terima kasih.

RT22/321

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
DARIPADA [KLANG]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik peruntukan kewangan pembangunan Kementerian kepada sekolah rendah kebangsaan (SK), sekolah rendah Cina (SJKC), sekolah Tamil (SRJT) dan sekolah rendah agama dari 2006 hingga 2016.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah peruntukan di bawah Tabung Penyelenggaraan untuk sekolah-sekolah bantuan modal bagi tahun 2008 - 2017 ialah RM1.114 billion. Daripada jumlah tersebut, RM509,982,872.00 telah diperuntukkan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan RM184,492,563.00 kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

RT22/321